

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 PENGENALAN

Kajian ini melibatkan guru-guru dan murid-murid sekolah di sekitar kawasan Lembah Klang, dan 9 buah buku teks sebagai responden dan sampel kajian.

Penyelidikan dibuat untuk mencari jawapan kepada hipotesis-hipotesis tertentu (rujuk Bab 1) dan sebagai perbandingan dan pengemaskinian data kepada kajian-kajian yang terdahulu. Berdasarkan tujuan, tempat, responden, sampel dan bahan-bahan bacaan, bab ini akan membentangkan rumusan kepada dapatan-dapatan kajian tentang penggunaan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

6.2 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, terdapat 4 penemuan penting kajian.

Pertamanya, keputusan kajian mendapati bahawa **akhbar dan majalah boleh digunakan oleh guru sebagai alat bantu untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah**. Penemuan ini memberi jawapan kepada hipotesis – hipotesis kajian yang berikut:

- bahawa akhbar dan majalah boleh digunakan oleh guru-guru bahasa Melayu semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.
- bahawa ramai guru yang mulai menggunakan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar bahasa melayu di bilik darjah.
- bahawa murid-murid berminat dan suka guru menggunakan akhbar dan majalah sewaktu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Antara penemuan yang berkaitan dengan hipotesis-hipotesis di atas ialah:

- (a) Majoriti guru yang mengajar bahasa Melayu dalam kajian menggunakan akhbar dan majalah (85% responden dari keseluruhan sampel kajian menggunakan akhbar dan 75% menggunakan majalah).
- (b) Petikan daripada akhbar dan majalah turut digunakan dalam tiap-tiap buku teks yang dikaji, iaitu teks terbitan DBP, SASBADI, DELTA dan semua tingkatan, teks tingkatan satu, dua, tiga, empat dan lima.
- (c) Guru-guru yang menggunakan akhbar dan majalah datangnya daripada semua kriteria kajian, iaitu:
 - (i) Guru yang pernah dan tidak pernah menghadiri bengkel,
 - (ii) Guru yang berminat, tidak berminat dan mengajar bahasa Melayu kerana terpaksa,

- (iii) Guru yang mengajar di sekolah yang status sosioekonomi keluarga murid-muridnya tinggi, sederhana dan rendah,
 - (iv) Guru yang mengajar di sekolah yang murid-muridnya terdiri daripada kebanyakan bangsa Melayu, kebanyakan bangsa Cina, kebanyakan bangsa India dan hampir sama banyak antara kaum,
 - (v) Guru yang baru (1-3 tahun), telah berpengalaman (4-9 tahun) ataupun berpengalaman luas (melebihi 10 tahun).
- (d) Hampir kesemua murid dalam kajian bersetuju, suka, seronok dan memberikan sambutan semasa guru menggunakan akhbar dan majalah.

Dapatan kajian juga menunjukkan **akhbar dan majalah adalah sesuai** untuk digunakan sebagai alat bantu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah. Dapatan ini boleh dijadikan **landasan kepada hipotesis-hipotesis kajian** yang berikut:

- bahawa pengajaran bahasa Melayu menggunakan akhbar dan majalah dapat menghilangkan kebosanan murid-murid.
- bahawa kepelbagaiannya isi kandungan dan ruangan di dalam akhbar dan majalah memberi banyak pilihan kepada guru-guru untuk menggunakanannya dalam mengajar semua aspek kemahiran bahasa.

bahawa tidak semua bahan yang terdapat dalam akhbar dan majalah adalah sesuai untuk digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu,

Penemuan kajian mendapati majoriti guru (65.7% bagi akhbar dan 72.7% bagi majalah) menyatakan bahawa akhbar dan majalah adalah sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah kerana keistimewaan bahan itu sendiri. Dari segi kemahiran bahasa pula, guru-guru didapati menggunakan pelbagai ruangan yang terdapat dalam akhbar dan majalah (rencana, berita, hiburan, sukan, sastera, graf, gambar dan lain-lain) untuk mengajar semua kemahiran bahasa (bertutur, membaca dan memahami, menulis, aspek tatabahasa) dan sebagai bahan bacaan luas. Gambaran kesesuaian juga dikesan melalui kenyataan guru bahawa penggunaan bahan telah menanam minat membaca di kalangan murid-murid, menambah kefahaman, memperkaya perbendaharaan kata dan meningkatkan mutu penulisan murid khususnya ketika mengarang. Dari segi sambutan murid, bahan adalah sesuai sebagai daya penarik minat murid-murid, iaitu guru mendapati murid-murid seronok, menjadi lebih aktif dalam mengemukakan soalan, pandangan dan menjawab soalan, tidak mengantuk dan tidak ponteng kelas semasa akhbar dan majalah digunakan dalam bilik darjah.

Penggunaan petikan-petikan akhbar dan majalah yang pelbagai (rencana, berita, sajak dan lain-lain) dan aktiviti (termasuk latihan) yang

melibatkan semua kemahiran bahasa (termasuk aspek tatabahasa) turut menunjukkan kesesuaian bahan sebagai alat bantu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Bagaimanapun, terdapat juga rungutan daripada sebilangan kecil guru tentang ketidaksesuaian akhbar (17.6%), ruangan sastera di dalam akhbar terlalu panjang (1.5%) dan akhbar mengandungi unsur-unsur negetif (9.9%). Tidak ada rungutan guru terhadap ketidaksesuaian isi kandungan di dalam majalah.

Kajian turut mengenal pasti bahawa bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah adalah digunakan untuk mengajar bahasa Melayu. Sebanyak 37.4% dan 50% guru dari keseluruhan jumlah sampel didapati menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah. Buku teks mata pelajaran bahasa Melayu terbitan DBP turut memuatkan petikan bahan sastera daripada akhbar dan majalah bagi tiap-tiap tingkatan (teks tingkatan 1,2,3,4 dan 5). Secara tidak langsung, dapatan ini telah memberi jawapan kepada hipotesis kajian, iaitu, bahawa bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Selain itu, keputusan kajian juga menunjukkan kebanyakan guru bersetuju bahawa pengajaran menggunakan akhbar dan majalah menceriakan suasana di bilik darjah. Antara kenyataan guru dalam hal ini ialah:

- (a) Pelajar menjadi aktif
- (b) Pengajaran menjadi lebih menarik
- (c) Murid tidak ponteng kelas
- (d) Mengelakkan kebosanan murid
- (e) Pelajar memberi sambutan

Kenyataan-kenyataan guru ini juga didapati bersamaan dengan kenyataan-kenyataan murid yang menyambut baik penggunaan akhbar dan majalah oleh guru. Antara pengakuan murid tentang penggunaan bahan ialah:

- (a) Dapat mengelakkan kebosanan
- (b) Berpeluang berinteraksi dengan guru dan sesama rakan
- (c) Banyak aktiviti yang melibatkan perbincangan di dalam kelas
- (d) Dapat memperbaiki kebolehan membaca pantas
- (e) Dapat memperbaiki kebolehan menulis dan mengarang
- (f) Dapat memperbaiki tatabahasa
- (g) Terdedah kepada isu-isu semasa

Dapatan-dapatan ini juga secara langsung telah memberi jawapan kepada hipotesis-hipotesis kajian yang berikut:

- bahawa pengajaran bahasa Melayu menggunakan akhbar dan majalah dapat menghilangkan kebosanan murid,
- bahawa pengajaran bahasa Melayu menggunakan akhbar dan majalah dapat menghidupkan suasana di dalam kelas, murid-murid

menjadi aktif dan berlakunya komunikasi dua hala antara guru sebagai penyampai dan murid sebagai penerima,

- bahawa murid suka dan berminat guru menggunakan akhbar dan majalah sewaktu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Penemuan-penemuan sampingan kajian yang seterusnya bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (1) Guru-guru menggunakan pelbagai jenis akhbar dan majalah dalam pengajaran mereka. Kajian perbahasan menunjukkan bahawa jenis-jenis akhbar dan majalah yang digunakan oleh guru secara kebetulan merupakan akhbar dan majalah yang menjadi kegemaran murid. Contohnya, majalah **Dewan Siswa** dan akhbar **Berita Harian**. Bagaimanapun, lebih separuh dari murid yang ditemui memberitahu mereka gemar membaca akhbar mingguan seperti **Berita Minggu** dan **Mingguan Malaysia**, tetapi guru menghadapi beberapa masalah untuk menggunakan akhbar berkenaan.
- (2) Murid-murid merupakan generasi muda yang boleh dikelaskan sebagai remaja. Kajian-kajian oleh pengkaji barat seperti Berryman (1973), De Roche (1990) dan lain-lain mendapati ruangan-ruangan akhbar yang menjadi bahan bacaan utama kaum remaja ialah ruangan pelajar, sukan, aktiviti-aktiviti perkhemahan, perlancongan, hobi, sinopsis tentang tayangan filem terbaru, artis dan isu-isu semasa. Keputusan kajian ini

menunjukkan murid-murid amat meminati ruangan-ruangan yang sama yang secara kebetulan merupakan ruangan-ruangan yang popular penggunaannya di kalangan guru untuk tujuan pengajaran di bilik darjah.

- (3) Terdapat beberapa penemuan baru yang berbeza dari penemuan lepas. Contohnya, ada pengkaji –pengkaji terdahulu mendapati penggunaan akhbar dan majalah adalah kurang di kalangan guru dan kalau adapun hanya terhad kepada guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang luas. Guru-guru juga didapati kurang berminat menggunakan bahan lain selain buku teks. Kajian ini sebaliknya memberi gambaran yang berbeza. Penggunaan akhbar dan majalah telah digunakan dengan meluas oleh semua guru tanpa mengira pengalaman mengajar mereka. Bahan digunakan oleh guru yang tidak berhadapan dengan masalah dan juga oleh guru yang menghadapi pelbagai rintangan seperti beban kerja berat, kelas bising, murid tidak membawa akhbar dan majalah apabila disuruh, masalah kewangan, tiada galakan dari guru panitia, tidak pernah terdedah kepada bengkel dan lain-lain. Guru-guru yang berdepan dengan pelbagai halangan ini tidak berputus asa untuk meneruskan penggunaan bahan, sebaliknya sanggup berkoban masa dan tenaga untuk mencari dan menyunting ruangan-ruangan di dalam akhbar dan majalah yang sesuai, memastikan bahan yang digunakan menepati objektif dan kemahiran yang hendak diajar dan sanggup mengeluarkan wang sendiri untuk membuat fotokopi dan wang pendahuluan untuk membayar langganan majalah dan akhbar.

- (4) Sesetengah guru berhadapan dengan pelbagai masalah ketika menggunakan bahan sastera daripada akhbar dan majalah untuk mengajar manakala sesetengahnya pula tidak mempunyai apa-apa masalah.
- (5) Pada masa ini, kaedah yang digunakan oleh guru ketika menggunakan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar di bilik darjah masih tidak seragam. Antara faktor penyebab yang dikenal pasti oleh kajian ialah tidak adanya panduan khusus untuk mereka. Oleh itu, guru menggunakan bahan ini mengikut daya kreativiti masing-masing.
- (6) Pemilihan akhbar dan majalah oleh guru dan pengarang buku teks adalah bersesuaian dengan peringkat umur dan taraf penguasaan bahasa murid-murid. Contohnya petikan daripada majalah **Dewan Pelajar** digunakan oleh pengarang buku teks dan guru yang mengajar bahasa Melayu di tingkatan 1 dan 2 manakala petikan daripada majalah **Dewan Masyarakat** dan **Dewan sastera** digunakan untuk tingkatan 4 dan 5.
- (7) Terdapat beberapa faktor berkaitan, yang boleh juga dikelaskan sebagai faktor pendorong guru menggunakan akhbar dan majalah. Lima faktor penting yang berkenaan ialah:
- Peluang menghadiri bengkel
 - Minat guru dalam mengajar bahasa Melayu
 - Bangsa murid
 - Status sosioekonomi ibu bapa murid

(e) Pengalaman mengajar guru

Faktor-faktor ini sekiranya diambil kira oleh perancang-perancang pendidikan dan pihak-pihak yang terbabit, tentunya akan membantu ke arah penggunaan akhbar dan majalah secara meluas di kalangan guru-guru.

- (8) Penggunaan akhbar dan majalah di kalangan guru adalah sebagai alat bantu mengajar atau bahan tambahan kepada buku teks sahaja. Ini bermaksud buku teks masih menduduki tempat utama. Keadaan ini dikesan daripada kekerapan penggunaan, iaitu hampir kesemua guru menggunakan akhbar dan majalah dengan kekerapan tidak tentu, kadang-kadang dan sekali seminggu.

6.3 Cadangan

Setelah meneliti dapatan daripada kajian-kajian lepas dan berpandukan pendapat-pendapat yang diutarakan oleh guru, didapati kejayaan penggunaan akhbar dan majalah sebagai alat bantu dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah melibatkan kerjasama daripada semua pihak. Sekurang-kurangnya 5 pihak dikenal pasti boleh membantu menjayakan penggunaan bahan, iaitu:

Pihak Sekolah

Kajian mengesahkan bahawa guru-guru memerlukan galakan dan dorongan dalam menggunakan bahan akhbar, majalah, komputer, telivesyen dan lain-lain

alat bantu mengajar. Ramai guru mengatakan bahawa mereka menggunakan alat-alat ini atas dorongan pengetua sekolah, guru kanan dan guru panitia. Di kalangan guru yang tidak menggunakan, antara sebabnya ialah tiada galakan daripada pengetua, guru panitia bahasa Melayu dan kerjasama rakan-rakan setugas (guru-guru lain). Sungutan-sungutan tentang tiadanya galakan daripada guru panitia turut diutarakan oleh pengkaji-pengkaji yang lain, iaitu Mohd. Zainuddin (1982), Taha (1977), Hashimah (1988) Abdul Rahman (1986) dan Abdul Rahim (1988). Oleh itu, sekiranya pihak sekolah dapat memberi galakan dan sokongan, tentunya penggunaan akhbar dan majalah malah alat-alat bantu mengajar yang lain akan mendapat sambutan yang lebih meluas di kalangan guru-guru.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Majoriti guru dalam kajian ini berhadapan dengan masalah kewangan semasa menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Keadaan ini menyebabkan murid tidak mampu membeli bahan yang seterusnya mengakibatkan mereka tidak membawa bahan apabila diminta oleh guru. Murid-murid yang tidak membawa bahan ini pula terpaksa berkongsi dengan rakan-rakan yang lain mengakibatkan suasana kelas menjadi bising apabila kesempatan tersebut digunakan untuk berbual-bual dan bermain-main. Oleh itu, hampir kesemua guru yang terbabit menyarankan agar pihak PIBG memperuntukkan sejumlah wang untuk membolehkan langganan akhbar dan majalah dibuat oleh sekolah. Kadang-kadang guru terpaksa mengeluarkan wang

saku mereka sendiri untuk membuat salinan keratan-keratan akhbar atau majalah untuk diedarkan kepada murid-murid di dalam kelas.

Kementerian Pendidikan

Kebanyakan guru yang menggunakan akhbar dan majalah mengemukakan masalah kesuntukan masa dan beban kerja yang berat. Di kalangan guru yang tidak menggunakan bahan, kedua-dua masalah ini merupakan masalah utama yang dikemukakan.

Kemungkinan besar sekiranya pihak kementerian Pendidikan dapat memperuntukkan masa mengajar khas yang lebih panjang (melebihi 35 hingga 45 minit untuk satu waktu) untuk program penggunaan akhbar dan majalah serta alat-alat bantu mengajar yang lain akan membolehkan guru-guru menggunakan bahan-bahan berkenaan sebagai bahan yang pengajaran yang amat berkesan.

Beban kerja guru berat pula disebabkan sesetengahnya terpaksa mengajar lebih daripada tiga kelas bahasa Melayu. Di samping itu, guru berkenaan juga terpaksa mengajar mata pelajaran lain seperti Geografi, Sejarah di samping kelas bahasa Melayu. Lebih teruk lagi jika mereka mempunyai tugas sampingan sebagai guru kelas, guru perpustakaan, guru disiplin dan sebagainya. Pada waktu petang, mereka terpaksa ke sekolah untuk aktiviti ko kurikulum pula. Luahan guru mengenai beban mengajar turut dikemukakan dalam kajian Rahmatulloh (1989) dan Ab. Rahman (1986).

Majoriti guru mengharapkan keadaan ini dapat diatasi oleh pihak Kementerian. Adalah menjadi hasrat kesemua guru yang ditemui dalam kajian ini untuk menumpukan sepenuh perhatian dan menjayakan pengajaran mereka, seperti mempelbagaikan teknik pengajaran, mencari idea-idea baru untuk menjadikan pengajaran bahasa Melayu menarik dan berkesan, dan meluangkan lebih banyak masa melayani dan membimbing para pelajar (di dalam dan di luar bilik darjah) ke arah penguasaan dan kemahiran berbahasa yang berkualiti.

Pihak akhbar dan majalah

Setakat ini program yang dilaksanakan di Amerika Syarikat telah menjadi contoh kepada sesetengah syarikat akhbar dan majalah negara kita. Salah satunya ialah usaha menggalakkan penggunaan bahan di sekolah, iaitu dengan pemberian diskaun bagi naskah-naskah yang dilanggan untuk tujuan pengajaran di bilik darjah. Antara akhbar dan majalah yang boleh dilanggan dengan harga istimewa ialah akhbar **Berita Harian, Berita Minggu, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Dewan Kosmik dan Dewan Sastera.**

Dapatan kajian ini mendapati guru-guru turut menghadapi masalah ketidaksesuaian bahan, seperti terdapat banyak kesalahan tatabahasa, ejaan, cerpen terlalu panjang, puisi terlalu kompleks dan kabur, unsur-unsur keganasan, perbincangan politik yang mengelirukan dan lain-lain menyebabkan guru terpaksa menghabiskan banyak masa untuk mencari, membuat pengubahsuaian

dan penyuntingan bahan sebelum digunakan sebagai alat bantu mengajar. Masalah ketidaksesuaian bahan ini turut ditemukan oleh Abdul Rahim (1988), Mohd. Arshad (1989), Awang Sariyan (1981), Soleha (1983), Azman Wan Chik (1982), Rahmatulloh (1989), Roshani (1992) dan Michael dan Raymond (1980). Oleh itu, adalah dicadangkan oleh guru, pengkaji-pengkaji yang terbabit dan pihak penyelidik sendiri agar pihak editor membuat tapisan dari segi bahasa, unsur sastera, nilai-nilai murni, menambahkan ciri-ciri menarik seperti penggunaan kertas, ilustrasi, gambar, lukisan, warna-warni untuk menghasilkan bahan yang menarik minat murid dan menyenangkan tugas guru. Ini turut disarankan oleh Tuan Haji Zainal Abidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Melaka (Dewan Siswa:1992)

"... pihak editor majalah perlu menyelami cita rasa guru dan pelajar, memperbaiki bahan dan menambah beberapa ruangan baru yang membantu menanam semangat mencintai Malaysia..."

Keputusan kajian turut menunjukkan sungutan guru, iaitu sibuk dan beban kerja berat. Guru turut menyarankan agar pihak editor dapat menyediakan bahan yang terancang, iaitu teks yang dilengkapi dengan soalan-soalan latihan dan aktiviti-aktiviti yang merangkumi pelbagai kemahiran bahasa termasuk aspek tatabahasa. Dengan adanya bahan terancang, penyelidik percaya penggunaan akhbar dan majalah akan digunakan secara meluas oleh guru. Dalam hal ini penyelidik menyarankan agar pihak editor dan guru sentiasa berhubung rapat dan saling bertukar-tukar pandangan.

Bengkel, Ceramah dan Kursus

Seramai 40.8% dan 45% daripada jumlah guru yang menggunakan akhbar dan majalah dalam kajian ini di dapati tidak pernah terdedah kepada sebarang bengkel, ceramah atau kursus dalam bidang berkenaan. Masalah guru tidak berkemahiran menggunakan alat bantu mengajar dan tidak pernah terdedah kepada pembaharuan di dalam bidang pendidikan turut ditemui dalam kajian Ahmad (1982) dan Abu Talib (1985).

Dalam kajian ini, guru-guru terbabit bagaimanapun, mengatakan hasrat mereka untuk menghadiri bengkel, ceramah atau kursus yang berkenaan. Mereka ingin mendapat dorongan dan mendedahkan diri kepada pelbagai teknik dan panduan penggunaan bahan. Malangnya mereka tidak pernah mendapat peluang seumpama itu. Adalah menjadi cadangan kajian ini agar pihak-pihak yang terlibat seperti pengetua sekolah, pihak akhbar dan majalah, Kementerian Pendidikan dan lain-lain dapat mengadakan lebih banyak bengkel dan memberikan peluang kepada semua guru, sekurang-kurangnya sekali dalam setahun menghadirinya.

6.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Diharapkah bahawa kajian ini menjadi titik permulaan kepada kajian dalam bidang 'penggunaan bahan akhbar dan majalah sebagai bahan pengajaran di bilik darjah' yang lebih meluas, terperinci dan meliputi pelbagai aspek yang belum disentuh oleh penyelidik.

Dalam bab 2, dapat dilihat terdapat banyak kajian tentang keberkesanan penggunaan bahan bagi jangka masa panjang dijalankan secara mendalam oleh para penyelidik di negara-negara barat, khususnya pengkaji-pengkaji dari Amerika Syarikat, Kanada dan Sweden. Kajian ini bagaimanapun tidak memberikan penekanan sepenuhnya terhadap keberkesanan penggunaan akhbar dan majalah bagi jangkamasa panjang kerana masalah masa dan kewangan. Memandangkan kajian-kajian di dalam negeri setakat ini belum memfokuskan kajian kepada keberkesanan secara khusus, seharusnya diadakan satu kajian tentang keberkesanan penggunaan secara jangka panjang. Kajian-kajian berkenaan mungkin boleh memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- (a) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah akan lebih berminat untuk melanggar akhbar dan majalah semasa mereka telah dewasa, sudah bekerja dan berkeluarga?
- (b) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah turut mendorong memupuk minat membaca kepada rakan sekerja, para pekerja, saudara-mara dan anak-anak mereka (jika sudah berkeluarga)?
- (c) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah akan ter dorong untuk mencebur入 bidang penulisan sama ada penulis tetap rencana, komentar, cerpen, puisi atau menerbitkan buku-buku tulisan mereka sendiri?

- (d) Selepas beberapa tahun terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah, sejauh manakah kemajuan murid-murid berkenaan dalam kemahiran berbahasa (kemahiran bertutur, membaca, memahami dan menulis) ?
- (e) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah turut menunjukkan kemajuan dalam bidang akademik mereka dan jika ya, kecemerlangan dalam mata pelajaran apa?
- (f) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah akan menjadi warganegara yang lebih aktif dalam bidang politik?
- (g) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah lebih berjaya dalam kerjaya mereka?
- (h) Adakah bekas murid-murid yang terdedah kepada program penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah lebih peka kepada isu-isu semasa dan negara, berani mengutarakan pendapat-pendapat yang berasas dan mudah bergaul mesra dengan masyarakat di sekelilingnya?

Pengkaji-pengkaji yang berminat juga boleh menambahkan saiz sampel kajian melibatkan kajian perbandingan di beberapa buah sekolah merangkumi negeri yang berlainan, atau perbandingan penggunaan bahan di sekolah-sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Ini adalah kerana kajian ini hanya

memfokuskan responden kawasan bandar dan di Lembah Klang sahaja. Oleh itu, keputusan kajian mungkin tidak dapat menggambarkan pola penggunaan bahan di semua sekolah di Malaysia.

Kajian yang menyentuh tentang penyediaan bahan-bahan pengajaran yang terancang daripada akhbar dan majalah juga patut diadakan. Ini akan menyenangkan dan menjimatkan masa guru. Guru tidak perlu membuang masa mencari, memilih, menyunting dan menggunting bahan sebaliknya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas mengajar dan tugas-tugas lain di sekolah. Ini memandangkan kesukaran guru-guru dalam kajian ini untuk mendapatkan bahan yang bersesuaian dengan minat, umur dan keupayaan murid-murid. Ini ditambah pula dengan beban kerja yang berat di sekolah menyebabkan guru kekurangan masa untuk mengolah isi atau menyediakan soalan-soalan latihan kepada bahan-bahan akhbar dan majalah yang dipilihnya.

Seterusnya saya cadangkan diadakan kajian untuk menemukan kaedah, cara dan model-model yang bersesuaian dan berkesan untuk menggunakan bahan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar bahasa melayu di bilik darjah. Penemuan kajian nanti akan dapat dijadikan panduan penggunaan dan membantu ke arah keseragaman penggunaan oleh guru di semua sekolah. Cara penggunaan yang berkesan juga akan menolong meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid, menyemai nilai-nilai murni, meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan seterusnya dapat melahirkan generasi yang berwawasan.